
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

HFA 101 – Pengantar Falsafah

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan sahaja.

1. [a] Jelaskan TIGA perbezaan di antara pandangan Socrates dan Sophist mengenai kebenaran.

[60 markah]

- [b] Adakah anda bersetuju dengan pandangan Socrates atau Sophist? Beri hujah yang baik untuk menyokong pandangan anda.

[40 markah]

2. Mengikut Plato, walaupun manusia menanggapi benda-benda khusus tetapi manusia memiliki idea umum.

- [a] Bincangkan pandangan dan hujahan yang diberi oleh Plato untuk menjelaskan perkara di atas.

[60 markah]

- [b] Adakah anda bersetuju dengan pandangan dan hujahan Plato? Beri hujah yang baik untuk menyokong pandangan anda.

[40 markah]

3. [a] Jelaskan tiga kategori kewujudan yang dikemukakan oleh Ibn Sina.

[60 markah]

- [b] Jelaskan mengapakah untuk Ibn Sina wujud wajib menjadi penyebab kepada semua yang wujud?

[40 markah]

4. [a] Jelaskan adakah untuk Sankara *maya* wujud atau pun tidak?

[70 markah]

- [b] Mengikuti pandangan anda, apakah implikasi atau kesan dari pandangan Sankara mengenai (a)?
- (30 markah)
5. [a] Jelas dan bincangkan ungkapan Sartre, '*man is condemned to be free*'.
- [60 markah]
- [b] Adakah anda bersetuju dengan pandangan Sartre di atas? Beri hujah yang baik untuk menyokong pandangan anda.
- [40 markah]